

08 JUN 1997

Najib - Perlembagaan

JAWATANKUASA PERLEMBAGAAN UMNO KUMPUL CADANGAN PELBAGAI PIHAK

PEKAN, 8 Jun (Bernama) -- Jawatankuasa Perlembagaan Umno sedang mengumpul cadangan dan pandangan daripada pelbagai pihak termasuk Perhubungan Umno Negeri serta bahagian-bahagian Umno sebelum membuat pindaan pada perlembagaan parti.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata segala cadangan itu akan dipertimbangkan pada mesyuarat Jawatankuasa Perlembagaan yang dipengerusikan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Semasa ditemui pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Umno Bahagian Pekan di sini hari ini, beliau berkata keputusan akan dibuat kemudian sama ada perhimpunan khas perlu diadakan bagi meminda perlembagaan Umno.

Katanya, pada masa ini Umno menerima pelbagai cadangan, antaranya ada yang mahu supaya kedudukan undi 10 dikekalkan sementara pihak lain memintanya dimansuhkan manakala ada juga cadangan supaya pemilihan jawatan dibuat setiap tiga atau lima tahun sekali.

Beliau menjangka cadangan pindaan perlembagaan itu dilakukan tahun depan.

Beliau diminta mengulas cadangan Pengerusi Perhubungan Umno Terengganu, Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad agar pemilihan bagi semua jawatan dalam parti dibuat empat atau lima tahun sekali.

Ini memandangkan pada masa ini, anggota-anggota Umno terbabit dalam banyak pemilihan peringkat cawangan dan bahagian sebelum perhimpunan agung berlangsung.

Najib berkata Jawatankuasa Pengurusan parti juga akan mengeluarkan garis panduan khusus mengenai perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan menjelang pemilihan peringkat bahagian tahun depan.

Mengenai gejala rasuah, beliau berkata pucuk pimpinan parti juga memutuskan supaya kes membabitkan anggota Umno yang masih pada peringkat siasatan tidak dibenar dilaporkan oleh media massa.

Beliau berkata langkah itu bertujuan untuk berlaku adil terhadap mereka yang disiasat kerana jika dilaporkan oleh media, ia boleh menimbulkan tanggapan bahawa individu terbabit bersalah. -- BERNAMA

ROS FAZ